

KTPK 18/4/2.01Jld.5(13)



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

30 Disember, 1998

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 7 TAHUN 1998**  
**Polisi Keselamatan Sistem Rangkaian Setempat (LAN)**  
**Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan dasar dan polisi penggunaan kemudahan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri di samping menjamin keselamatan semua pengguna dan kemudahan yang terdapat di dalam sistem rangkaian.

**2. Latarbelakang**

Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 3 Tahun 1997 yang berkuatkuasa mulai 7 Ogos 1997 telah menggariskan polisi pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat ( LAN ) di Ibu Pejabat JUPEM. Memandangkan pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat ( LAN ) telah beroperasi sepenuhnya dan pelaksanaannya telah diperluaskan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri, Jabatan melalui pekeliling ini menetapkan dasar serta polisi penggunaan kemudahan Sistem Rangkaian Setempat (LAN).

Penggunaan komputer-komputer dan alat-alat peripheral seperti printer/plotter, scanner dan lain-lain termasuklah softwer, adalah bagi tugas-tugas rasmi sahaja. Di samping itu, JUPEM mengutamakan keselamatan maklumat, perkakasan dan perisian yang terdapat dalam sistem rangkaian. Aspek keselamatan boleh dibahagikan seperti berikut :-

**2.1 Masa**

Penggunaan alat-alat komputer, peripheral dan LAN adalah terhad kepada waktu-waktu bekerja rasmi pejabat, termasuklah waktu kerja syif. Pengguna

hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Seksyen/Ketua Jabatan bagi penggunaan luar daripada masa ini.

## 2.2 **Pengguna Sistem Rangkaian Jabatan**

- 2.2.1 Pengguna sistem rangkaian di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan adalah terdiri daripada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional di setiap Bahagian serta pegawai yang terlibat secara langsung didalam pengendalian sistem yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.
- 2.2.2 Pengguna sistem rangkaian di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri adalah terdiri daripada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta pegawai yang terlibat secara langsung di dalam pengendalian sistem yang ditetapkan oleh Pengarah Ukur Negeri.
- 2.2.3 Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, kakitangan teknikal di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan dan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri boleh diberi hak sebagai pengguna sistem rangkaian mengikut budibicara Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Permohonan untuk menggunakan sistem rangkaian bagi kakitangan teknikal hendaklah dikemukakan melalui Pengarah Ukur Bahagian bagi pengguna di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan dan melalui Pengarah Ukur Negeri bagi pengguna di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri.

Hanya pengguna sistem rangkaian yang tersebut di atas sahaja dibenarkan menggunakan kemudahan yang terdapat dalam sistem rangkaian Jabatan. Pengguna sistem rangkaian hendaklah mematuhi polisi dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan dari masa ke semasa.

## 2.3 **Sistem Rangkaian**

Pengoperasian dan penggunaan perkakasan, kemudahan dan peralatan yang terdapat dalam sistem rangkaian mestilah mematuhi polisi yang ditetapkan. Semua permohonan bagi mewujudkan sesuatu akaun pengguna atau merangkaikan sebarang komputer, sistem berkomputer, peralatan rangkaian atau perkakasan yang di rangkaikan kepada sistem rangkaian Jabatan perlulah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

## 2.4 **Maklumat**

Maklumat rasmi Jabatan yang terdapat dalam sistem rangkaian adalah merupakan maklumat terperingkat dan perlu dilindungi. Sebarang pertukaran, penyebaran dan penyimpanan

maklumat dalam sistem rangkaian hanyalah bagi kakitangan Jabatan yang dibenarkan sahaja.

### 3. **Tanggungjawab Pengguna**

Pengguna Sistem Rangkaian Setempat Jabatan dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a. Memahami dan mematuhi semua polisi keselamatan yang telah digariskan untuk semua pengguna sistem rangkaian setempat Jabatan.
- b. Bertanggungjawab terhadap perkakasan, perisian dan maklumat dibawah jagaannya dan hendaklah digunakan sepenuhnya bagi urusan rasmi Jabatan sahaja.
- c. Melindungi katalaluan (*password*) bagi capaian maklumat sensitif dan terperingkat kepunyaan pengguna itu sendiri atau katalaluan bagi capaian ke sistem rangkaian.
- d. Mengawal katalaluan persendirian, mengawal fail-fail dalam komputer serta mengawal penggunaan akaun pengguna, data atau program aplikasi tanpa pengetahuan atau kebenaran.
- e. Menghadkan peringkat penggunaan akaun pengguna atau komputer dan capaian sistem rangkaian untuk penggunaan persendirian.
- f. Bertanggungjawab ke atas keselamatan konfigurasi dan pengoperasian komputer di bawah jagaannya apabila menggunakan perkhidmatan capaian Internet (seperti WWW atau FTP) melalui sistem rangkaian Jabatan.
- g. Menggunakan sistem komputer, peripheral, softwer, sistem rangkaian, kemudahan E-mail dan capaian Internet bagi tugas rasmi Jabatan sahaja.
- h. Mewakili diri sendiri dan bertanggungjawab ke atas maklumat yang dikeluarkan dalam setiap perhubungan yang dibuat secara elektronik.
- i. Menghormati hak '*privacy*' berkomunikasi secara elektronik setiap pengguna seperti penghantaran fail, data, maklumat dan lain-lain secara elektronik yang melalui sistem rangkaian.
- j. Bertanggungjawab ke atas perkakasan, perisian dan peralatan rangkaian yang terdapat dalam sistem rangkaian serta dilarang dari mengubah konfigurasi sistem rangkaian Jabatan. Semua cadangan untuk menambah atau mengubah peralatan rangkaian seperti pendawaian atau penggunaan sambungan '*wireless*' perlulah mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

#### 4. Larangan Kepada Pengguna

Pengguna Sistem Rangkaian Setempat Jabatan adalah dilarang dari:

- a. Menyalin, menyebarkan, berkongsi atau mendedahkan katalaluan pengguna, komputer, maklumat sensitif dan terhad atau katalaluan untuk capaian sistem rangkaian. Sebarang cubaan untuk mencerooboh sesuatu katalaluan adalah satu tindakan yang melanggar polisi ini.
- b. Berkongsi komputer dan akaun yang telah ditetapkan bagi memasuki sistem rangkaian, kepada pengguna lain.
- c. Menerima dan menyimpan atau menyebarkan bahan-bahan berunsur lucah, ancaman dan apa-apa lagi bahan-bahan yang bertentangan dengan dasar kerajaan dan yang boleh mengganggu ketenteraman pengguna LAN dan mungkin membawa kesan negatif kepada Jabatan dan Kerajaan.
- d. Menggunakan kemudahan sistem komputer, peripheral, softwer, sistem rangkaian, kemudahan E-mail dan capaian Internet untuk kegunaan persendirian.
- e. Mengubah atau menghapus maklumat atau data dalam sistem rangkaian yang bukan kepunyaannya secara sengaja atau tidak.
- f. Menyalin perisian atau aplikasi kedalam mana-mana komputer yang terdapat dalam sistem rangkaian tanpa kebenaran. Penggunaan perisian selain daripada yang ditetapkan mungkin akan mengubah konfigurasi atau '*setup*' dalam komputer dan mengganggu kebolegunaan perisian yang telah ditetapkan.
- g. Menggunakan disket atau CD persendirian dengan komputer yang terdapat dalam sistem rangkaian tanpa memastikan ianya bebas daripada ancaman yang boleh merosakkan komputer dan rangkaian LAN.
- h. Memindah alih bahan dari Internet yang bertentangan dengan dasar kerajaan atau berunsur lucah.
- i. Membaca, menghapus, mengubah atau menyalin *mail* elektronik pengguna lain.
- j. Mencipta dan menyebarkan bahan-bahan yang berunsur negatif atau maklumat palsu melalui E-mail atau perkongsian fail (*File Sharing*).
- k. Menyebarkan virus komputer ke dalam sistem rangkaian secara sengaja atau tidak.
- l. membenarkan kemudahan sistem rangkaian yang telah dipertanggungjawabkan disalahgunakan oleh pengguna lain.

- m. Menyamar akaun pengguna atau identiti pengenalan pengguna dalam rangkaian atau alamat komputer.
- n. Mengubah nama '*domain*' sistem rangkaian atau alamat IP sesuatu perkakasan dalam sistem rangkaian dengan tujuan untuk menyamar semasa membuat capaian Internet.
- o. Memperolehi atau cuba untuk memperolehi sebarang bahan yang dihantar secara elektronik yang bukan ditujukan untuk mereka. Pengguna sistem rangkaian juga dilarang dari cubaan untuk memintas atau memeriksa bahan yang dihantar melalui sistem rangkaian.
- p. Meminda konfigurasi atau '*setup*' dalam komputer, sistem rangkaian termasuk peralatan rangkaian yang terdapat dalam sistem rangkaian Jabatan.
- q. Menggunakan kemudahan sistem rangkaian Jabatan untuk melanggar secara sengaja atau tidak polisi atau mencero boh polisi keselamatan tapak sistem rangkaian lain.

## **5. Pelantikan Pegawai Petugas**

Pegawai Petugas di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan adalah terdiri dari pegawai di setiap bahagian di Ibu Pejabat, Jabatan Ukur dan Pemetaan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Manakala Pegawai Petugas di setiap Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri adalah terdiri dari pegawai yang dilantik oleh Pengarah Ukur Negeri masing-masing.

## **6. Bidang Tugas Pegawai Petugas**

Pegawai Petugas hendaklah sentiasa membantu pihak pengurusan atasan memastikan pengguna sistem rangkaian Jabatan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Bidang tugas Pegawai Petugas adalah seperti berikut :

- a. Mengawas pengguna sistem rangkaian supaya mematuhi polisi yang telah ditetapkan.
- b. Memberi panduan kepada pengguna sistem rangkaian mengenai penggunaan beretika kemudahan-kemudahan sistem rangkaian.
- c. Membangun dan melaksana polisi Jabatan Ukur dan Pemetaan, mengatur cara pengawalan dan prosidur untuk melindungi kemudahan sistem rangkaian dan maklumat yang disimpan dari perbuatan pengubahsuaian, pendedahan dan penghapusan yang disengajakan atau tidak.
- d. Menyelaras tindakan ke atas insiden penyalahgunaan kepada kemudahan dan sistem rangkaian dan melapor kepada pihak tertentu.

7. **Kuasa Pihak Pengurusan**

Bagi melindungi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan pengguna sistem rangkaian Jabatan dari akibat salahguna atau kecuaiian dalam menggunakan kemudahan yang terdapat dalam sistem rangkaian Jabatan, maka pihak pengurusan di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan dan juga pihak pengurusan di setiap Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri akan :

- a. Menentukan had dan hak sesuatu akaun pengguna.
- b. Menamatkan sesuatu akaun pengguna.
- c. Menyiasat, menyalin atau menghapus perisian, aplikasi atau sistem yang digunakan tanpa kebenaran.
- d. Menyiasat konfigurasi komputer dan kemudahan sistem rangkaian bagi memastikan ianya mematuhi konfigurasi yang telah ditetapkan.
- e. Mengkaji semua data yang tertinggal di dalam sistem oleh pengguna yang telah meninggalkan Jabatan dan menyalurkan semula atau menghapuskan data-data yang berkenaan mengikut keperluan dan kesesuaian.
- f. Mengambil tindakan-tindakan di atas tanpa memberi notis kepada pihak pengguna dan tindakan tatatertib akan diambil ke atas salahlaku tersebut.

8. **Tarikh Berkuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

t.t.

**( DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED )**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia.

**Senarai Agihan :**

**Ibu Pejabat**

Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)

Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)

Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)  
Pengarah Ukur Geodesi  
Pengarah Ukur Topografi Semenanjung  
Pengarah Ukur CAMS  
Pengarah Ukur FMS  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan Hakmilik)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Kawalselia Jurukur Tanah Berlesen)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelidikan)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Foto Udara)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perundangan)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perancangan dan Gunatenaga)  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Pembangunan Sistem)  
Ketua Jurukartografi  
Ketua Jurufotolito  
Ketua Penolong Pengarah Ukur(Penyelidikan)

**Negeri-Negeri**

Pengarah Ukur Perak  
Pengarah Ukur Kelantan  
Pengarah Ukur Johor  
Pengarah Ukur Selangor  
Pengarah Ukur Pahang  
Pengarah Ukur Negeri Sembilan  
Pengarah Ukur Melaka  
Pengarah Ukur Kedah  
Pengarah Ukur Pulau Pinang  
Pengarah Ukur Terengganu  
Pengarah Ukur Topografi Sarawak  
Pengarah Ukur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Pengarah Ukur Topografi Sabah  
Pengarah Ukur Wilayah Persekutuan Labuan  
Pengarah Ukur Perlis